

SENI LUKIS DAN WARNA

Aktiviti seni seperti mewarna, melukis, dan membuat kraftangan dapat membantu perkembangan motor halus dan imaginasi kanak-kanak.

Memperkenalkan seni kepada kanak-kanak prasekolah adalah penting untuk:

- Memupuk kreativiti dan ekspresi
- Membantu mereka belajar mengenali bentuk, warna, dan tekstur
- Mengungkapkan emosi dan pengalaman mereka

Mari belajar tentang seni dengan rancangan pelajaran ini serta saranan bacaan berikut.

Buku yang disertakan di dalam Kit Panduan ini:

Hak Cipta Terpelihara:
Singapore: eduguides.sg, an imprint of Crimson Earth, 2022



(Sesuai untuk N1-N2)

Tajuk: Bermain Dengan Warna


Penulis & Ilustrator: Pirēmā Kōvint

Lokasi: Children Singapore

Nombor Panggilan: Malay PRE

Cuaca di luar hujan. Zara sedih kerana tidak dapat bermain di luar. Ibu mempunyai cadangan untuk melakukan satu eksperimen dengan warna. Adakah eksperimen itu akan berjaya?

Hak Cipta Terpelihara
Singapore: Nur'afifah Mohd Hussain, 2023



(Sesuai untuk K1-K2)

Tajuk: Lukisan Batik Nawrah

Penulis: Nur'afifah Bte Mohd Hussain

Ilustrator: Shakina Razale

Lokasi: Children Singapore

Nombor Panggilan: Malay NUR


Nawrah begitu bersemangat untuk mewarnakan lukisan batiknya. Sayang sekali, sesuatu yang tidak diingini terjadi kepada kain batiknya. Dapatkah Nawrah menyelamatkan lukisannya?

SUMBER PENDIDIK (Sesuai untuk N1-N2)

Tajuk: Bermain Dengan Warna

AKTIVITI YANG BOLEH DILAKUKAN BERSAMA KANAK-KANAK!

Aktiviti Sebelum Membaca: Penyusunan dan Padanan Warna



Bahan-bahan yang diperlukan:

- Beberapa kad/kertas berwarna dalam warna primer (merah, kuning, biru) dan warna sekunder (jingga, hijau, ungu)
- 2 bekas yang dilabel dengan “warna primer” dan “warna sekunder”
- Pilihan: Kad warna (colour flash cards) atau roda warna (colour wheel) sebagai rujukan

Arahan:

- Kenalkan konsep warna primer dan sekunder kepada kanak-kanak.
- Tunjukkan contoh kad/kertas dalam warna-warna yang berbeza dan terangkan aktiviti menyusun dan memadankan mereka.

Aktiviti Penyusunan

- Campur dan letakkan kad/kertas berwarna dalam satu timbunan di tengah kawasan aktiviti.
- Minta kanak-kanak mengambil satu kad/kertas, kenal pasti warnanya, dan letakkan dalam kumpulan warna yang sepadan.
- Tanyakan soalan seperti “Warna apakah yang kamu lihat?” atau “Sebutkan warna primer dan sekunder”.



Mari Membaca: Ajak kanak-kanak meneliti kulit buku bersama anda.

Tanyakan soalan-soalan seperti:

- Apakah yang mereka boleh lihat di kulit muka buku?
- Namakan warna-warna yang mereka lihat di kulit muka buku.
- Apakah warna kegemaran mereka?

Aktiviti Selepas Membaca: Mari Membuat Rama-Rama!


Aktiviti ini mengajar kanak-kanak cara mencipta seni daripada bahan-bahan yang boleh didapati di rumah atau sekolah.

Bahan-bahan yang diperlukan:

- Kertas surih
- Gunting
- Cawan
- Berus lukisan
- Tali atau benang
- Pensel
- Cat warna-warni

Arahan:

1. Arahkan kanak-kanak melukis bulatan di atas kertas surih dengan pensel.
2. Gunting bulatan itu.
3. Seterusnya, galakkan kanak-kanak untuk mewarnakan bulatan tersebut dengan warna kegemaran mereka menggunakan cat dan berus lukisan.
4. Lipat kertas bulatan itu sehingga mendapat bentuk kon seperti di bawah.



5. Celup hujung kertas itu ke dalam segelas air. Tunggu sebentar dan perhatikan apa yang terjadi. Tanyakan kepada mereka apakah perubahan yang mereka lihat.

(Pemerhatian: Warna akan meresap naik ke atas permukaan kertas)

6. Selepas itu, arahkan kanak-kanak untuk membuka lipatan kertas itu sehingga ia rata dan berbentuk bulat.
7. Susun kertas surih itu di atas meja and biarkan ia kering sepenuhnya.
8. Apabila kertas sudah kering, ikat tali di tengah kertas seperti gambar di atas untuk membuat rama-rama kertas yang berwarna-warni!

SUMBER PENDIDIK (Sesuai untuk K1-K2)

Tajuk: Lukisan Batik Nawrah

AKTIVITI YANG BOLEH DILAKUKAN BERSAMA KANAK-KANAK!

Aktiviti Sebelum Membaca


Tunjukkan gambar-gambar seperti di bawah untuk memperkenalkan kepada kanak-kanak bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat batik. Jelaskan kepada kanak-kanak bahawa mereka akan melihat semua bahan-bahan ini semasa membaca buku bertajuk "Lukisan Batik Nawrah".



PEMATI WARNA



LILIN



KAIN




BERUS



CECAIR PEWARNA

Hak Cipta Terpeliharakan
Singapore: Nur'Alfiah Mohd Hussain, 2023



Mari Membaca: Ajak kanak-kanak meneliti kulit buku bersama anda. Tanyakan soalan-soalan seperti:


1. Pernahkah kamu melihat kain batik?
2. Apakah warna kain batik itu?
3. Pernahkah kamu membuat aktiviti seni dan kraf bersama keluarga? Apakah seni atau kraf itu?

Aktiviti Selepas Membaca: Jom Buat Batik!

Aktiviti ini dapat membantu kanak-kanak mengenal jenis-jenis warna dan penggunaannya, sekali gus merangsang kreativiti mereka.

Bahan-bahan yang diperlukan:

- Kertas lukisan
- Pen Penanda berwarna hitam
- Cat air
- Tisu
- Pensel
- Krayon lilin
- Berus



Arahan:

1. Arahkan kanak-kanak untuk melakar ilustrasi pilihan mereka dengan pensel di atas kertas.
2. Jejak semula lakaran ini menggunakan penanda berwarna hitam.
3. Warnakan lakaran ini menggunakan krayon lilin yang beraneka warna.
4. Untuk mendapatkan tekstur "batik", remukkan kertas selepas kanak-kanak selesai mewarna. Lakukan ini dengan perlahan-lahan supaya kertas tidak koyak.
5. Kemas dan ratakan kertas semula. Selepas itu, ambil berus dan warnakan lakaran di atas kertas menggunakan warna yang gelap seperti merah, ungu atau hitam.
6. Serap lebih cat air dengan kertas tisu.
7. Syabas! Kanak-kanak telah mencipta batik ringkas mereka sendiri.

SARANAN BACAAN


Tajuk: **Pling! Pak! Bong!**
Penulis: Nur-El-Hudaa Jaffar
Illustrator: EorG
Penerbit: Singapore: Calico Tales, an imprint of Pustaka Islamiyah Pte Ltd, 2022
Lokasi: Children Singapore
Nombor Panggilan: Malay NUR
Ringkasan: Azim mahu bermain gitar kakaknya, tetapi Kak Ana berkata jari Azim pendek dan tangan Azim kecil. Azim tidak merajuk. Azim boleh cuba bermain alat muzik yang lain. Pasti ada yang sesuai!



Tajuk: **Kasut Aisyah**
Penulis & Illustrator: Āratti Anant
Penterjemah: Norlizah Ali
Penerbit: Singapore: eduguide.sg, an imprint of Crimson Earth, 2022
Lokasi: Children Singapore
Nombor Panggilan: Malay ARA
Ringkasan: Aisyah berminat dalam rekaan kasut kerana sering melihat ibunya membuat kasut. Pada suatu hari, dia tertarik dengan sebuah pertandingan inovasi. Adakah rekaan Aisyah akan memenangi hadiah?



Tajuk: **Piano Pak Zubir**
Penulis: Arina Nadiyah & Siti Nurul Syafiqah
Illustrator: Celia Yew
Penerbit: Singapore: Pustaka Nasional, 2021
Lokasi: Children Singapore
Nombor Panggilan: Malay ARI
Ringkasan: Arisya pergi ke Muzium Taman Warisan Melayu. Dia tertarik dengan sebuah piano di sana. Oh! Piano itu bersuara. Rupa-rupanya piano itu ada cerita istimewa tentang lagu Majulah Singapura!



*Ringkasan buku telah disesuaikan daripada katalog NLB dan syarikat penerbitan masing-masing.
 Hak cipta untuk semua kulit buku adalah milik penerbit atau ilustrator yang berkaitan.
 Sila semak ketersediaan melalui katalog dalam talian kami di <https://catalogue.nlb.gov.sg>.

